

MODUL GEMILANG A+ TINGKATAN 4


BAB 1: PENGENALAN KEPADA KIMIA

BAB 2: JIRIM DAN STRUKTUR ATOM

SOALAN OBJEKTIF

- 1 Rajah 1 menunjukkan susunan zarah sejenis bahan yang mengalami perubahan keadaan fizik melalui proses Y.


Diagram 1 shows the arrangement of particles for a type of matter that undergoes a change in physical state through process Y.



Rajah 1 / Diagram 1

- Apakah proses Y?
What is process Y?
- | | |
|--------------------------------------|--|
| A Peleburan / <i>Melting</i> | B Pendidihan / <i>Boiling</i> |
| C Pembekuan / <i>Freezing</i> | D Penyejatan / <i>Evaporation</i> |
2. Serbuk garam halus dan pasir secara tidak sengaja tercampur di dalam sebuah bikar di sebuah makmal. Apakah kaedah terbaik untuk mengasingkan dan mengumpulkan bahan tersebut?
A fine salt and sand are accidentally mixed inside a beaker at school laboratory. What is the best method to separate and collect them?
- | | |
|---|--|
| A Kondensasi / <i>Condensation</i> | B Penyejatan / <i>Evaporation</i> |
| C Penapisan / <i>Filtration</i> | D Penyulingan berperingkat / <i>Fractional distillation</i> |
3. Belon berisi gas akan mengecut apabila diletakkan dalam peti sejuk. Antara berikut, yang manakah kesan suhu rendah kepada zarah gas dalam belon itu?
An inflated balloon will shrink if it is placed in refrigerator. Which of the following is the effect of lower temperature to the gas particles in the balloon?
- | |
|--|
| A Bergerak lebih cepat dan semakin rapat antara satu sama lain
<i>Move faster and become closer together</i> |
| B Bergerak lebih cepat dan semakin jauh antara satu sama lain
<i>Move faster and become further apart</i> |
| C Bergerak lebih lambat dan semakin rapat antara satu sama lain.
<i>Move slower and become closer together</i> |
| D Bergerak lebih lambat dan semakin jauh antara satu sama lain
<i>Move slower and become further apart</i> |

- 4 Rajah 2 menunjukkan graf suhu melawan masa apabila pepejal Y dipanaskan.
Diagram 2 shows the graph of temperature against time when a solid Y is heated.



Rajah 2 / Diagram 2

Antara pernyataan berikut, yang manakah adalah betul tentang lengkung itu?
Which of the following statements are true about the curve?

- I Pada Q, pepejal Y mula mencair
At Q, solid Y begins to melt
- II Pada QR, zarah-zarah dalam Y membebaskan haba ke persekitaran
At QR, particles in Y release heat into the surroundings
- III Pepejal Y mendidih dengan lengkap pada R
Solid Y boils completely at R
- IV Takat didih bagi Y adalah pada ST
The boiling point of Y is at ST
- A I dan III
I and III
- B I dan IV
I and IV
- C II dan III
II and III
- D II dan IV
II and IV

- 5 Jadual 1 menunjukkan nombor proton dan bilangan neutron bagi atom unsur P, Q, R dan S.
Table 1 shows the proton number and the number of neutrons for atoms of elements P, Q, R, and S.


Unsur Element	Nombor proton Proton number	Bilangan neutron Number of neutrons
P	7	7
Q	8	8
R	8	9
S	9	10

Jadual 1 / Table 1

Antara pasangan berikut, yang manakah adalah isotop?
Which of the following pair of elements is isotope?

- A P dan Q/ P and Q
- B P dan R/ P and R
- C Q dan R/ Q and R
- D R dan S/ R and S

- 6 Rajah 3 menunjukkan perwakilan piawai bagi atom klorin.
Diagram 3 shows the standard representation of chlorine atom.




Rajah 3 / Diagram 3

Apakah bilangan elektron valens bagi atom klorin?
What is the number of valence electrons of chlorine atom?

- A 2 B 3
C 4 D 7
- 7 Antara bahan berikut, yang manakah terdiri daripada atom?
Which of the following substance is made up of atom?
- A Natrium/ *Sodium* B Magnesium klorida/ *Magnesium chloride*
C Naftalena/ *Naphthalene* D Gas metana/ *Methane gas*

- 8 Rajah 4 menunjukkan sebahagian langkah semasa menjalankan penyiasatan saintifik.
Diagram 4 shows a part of the steps during scientific investigation.



Rajah 4 / Diagram 4

Apakah langkah X?
What is step X?

- A Mengumpul data / *Collecting data*
B Membuat hipotesis / *Making hypothesis*
C Membuat pemerhatian / *Making observation*
D Merancang eksperimen / *Planing experiment*
- 9 Rajah 5 menunjukkan satu peralatan keselamatan yang ditemui di dalam makmal.
Diagram 5 shows a safety equipment found in a laboratory.




Rajah 5 / Diagram 5


Apakah nama peralatan tersebut?
What is the name of the equipment?

- A Penggera kebakaran/ *Fire alarm*
B Kebuk wasap/ *Fume chamber*
C Alat pemadam kebakaran/ *Fire extinguisher*
D Pancuran air dan pembersuh mata/ *Shower and eyewash*


- 10 Rajah 6 menunjukkan susunan zarah dalam tiga keadaan jirim pada suhu bilik.
 Diagram 6 shows the arrangement of particles in three states of matter at room temperature.



X



Y



Z

Rajah 6 / Diagram 6

Apakah bahan X, Y dan Z pada suhu bilik?

What are substances X, Y and Z at room temperature?

	X	Y	Z
A	Bromin/ <i>Bromine</i>	Naftalena/ <i>Naphthalene</i>	Nitrogen/ <i>Nitrogen</i>
B	Naftalena/ <i>Naphthalene</i>	Nitrogen/ <i>Nitrogen</i>	Bromin/ <i>Bromine</i>
C	Nitrogen/ <i>Nitrogen</i>	Bromin/ <i>Bromine</i>	Naftalena/ <i>Naphthalene</i>
D	Bromin/ <i>Bromine</i>	Nitrogen/ <i>Nitrogen</i>	Naftalena/ <i>Naphthalene</i>

Sumber : SPM 2016:Q24

SOALAN STRUKTUR

- 1 Jadual 1 menunjukkan masa yang diambil untuk seorang pelajar melarutkan gula kasar dan gula halus di dalam 100.0 cm³ air sejuk.


Table 1 shows the time taken for a student to dissolve coarse sugar and fine sugar in 100.0 cm³ of cold water.

Jenis sugar <i>Type of sugar</i>	Masa yang diambil untuk gula melarut (s) <i>Time taken for sugar to dissolve (s)</i>
Gula kasar <i>Coarse sugar</i>	85
Gula halus <i>Fine sugar</i>

Jadual 1 / Table 1

- (a) Pelajar tersebut kemudian melarutkan gula halus dalam 100.0 cm³ air sejuk. Ramalkan masa yang diambil untuk gula halus tersebut melarut sepenuhnya di dalam air sejuk.
The student then dissolves fine sugar in 100.0 cm³ of cold water. Predict the time taken for the fine sugar to completely dissolve in cold water.
Tidak melebihi 85 saat / No more than 85 second
[1 markah / 1 mark]
- (b) (i) Berdasarkan aktiviti yang dijalankan oleh pelajar tersebut, berikan **dua** kaedah lain yang boleh meningkatkan kadar keterlarutan gula.
*Based on the activities that been carried out by the student, give other **two** methods that can increase the rate of sugar solubility.*
Gunakan air panas / Use hot water
Tingkatkan kekerapan mengacau / Increase frequency of stirring
[2 markah / 2 marks]
- (ii) Terangkan bagaimana salah satu kaedah dalam (b)(i) dapat meningkatkan kadar keterlarutan gula.
Explain how on of the method in (b)(i) can increase the rate of sugar solubility.
Air panas akan memberikan tenaga kinetik tambahan dalam molekul air agar gula mudah melarut ke dalam air.
Hot water can provide extra kinetic energy in water molecules so the sugar can dissolve easily into the water.
Apabila larutan dikacau, gula akan lebih cepat melarut ke dalam air.
When the solution being stirred, the sugar will solve faster into the water.
[1 markah / 1 mark]
- (c) Apakah kesimpulan yang dapat dibuat daripada aktiviti pelajar tersebut?
What can be concluded from these student's activities?
Semakin kecil saiz garam, semakin cepat kadar keterlarutannya di dalam air/ sebaliknya.
The smaller the size of salt, the faster its rate of solubility in water.
[1 markah / 1 mark]

- 2 (a) Rajah 1.1 menunjukkan struktur atom bagi unsur Z.
 Diagram 1.1 shows the atomic structure of Z element.



Rajah 1.1 / Diagram 1.1

Berdasarkan Rajah 1.1:

Based on Diagram 1.1:

- (i) Takrifkan nombor nukleon.

Define nucleon number.

Hasil tambah/ jumlah bilangan neutron dan proton di dalam nukleus satu atom suatu unsur

Sum / total number of neutron and proton inside nucleus of an atom of an element

[1 markah / 1 mark]

- (ii) Struktur atom mengandungi tiga jenis zarah subatom. Lengkapkan jadual berikut dengan nama zarah subatom yang betul.

The structure of atom consists of three subatomic particles. Complete the following table with the correct name of subatomic particles.

Simbol	Zarah subatom
	Elektron/ Electron
	Proton/ Proton
	Neutron/ Neutron

[3 markah / 3 marks]

- (iii) Nyatakan bilangan elektron valens dalam atom Z.

State the number of valence electrons in Z atom.

Tujuh/seven

[1 markah / 1 mark]

- (iv) Nyatakan kedudukan unsur Z dalam Jadual Berkala Unsur.

State the position of Z element in the Periodic Table of Elements.

Kumpulan 17, kala 2

Group 17, period 2

[2 markah / 2 marks]

- (b) Rajah 1.2 menunjukkan dua isotop bagi unsur R.

Diagram 1.2 shows two isotopes of R elements.



Rajah 1.2 / Diagram 1.2

Berdasarkan Rajah 1:

Based on Diagram 1:

(i) Apa itu isotop?

What are isotopes?

Atom unsur yang sama dengan nombor proton yang sama, tetapi nombor nukleon yang berbeza / Atom unsur yang sama dengan bilangan proton yang sama, tetapi bilangan neutron yang berbeza. / Atom of the same element with the same proton number, but different nucleon number. / Atom of the same element with the same number of proton, but different number of neutron.

[1 markah / 1 marks]

(ii) Adakah sifat kimia bagi kedua-dua isotop berbeza? Terangkan jawapan anda.

Is the chemical properties of both isotopes differs? Explain your answer.

Tidak/ No.

Kerana bilangan elektron valens adalah sama/ the number of valens electron is the same.

[2 markah / 2 marks]

3 Jadual 2 menunjukkan nama beberapa bahan kimia dengan formula kimia.

Table 2 shows the names of some chemical substance with its chemical formula.

Chemical Substance <i>Bahankimia</i>	Chemical formula <i>Formula kimia</i>
Iodine <i>Iodin</i>	I_2
X <i>X</i>	CuSO_4
Aluminium <i>Aluminium</i>	Al
Tetrachloromethane <i>Tetraklorometana</i>	CCl_4

Jadual 2 / Table 2

(a) Berdasarkan Jadual 2:

Based on Table 2:

- (i) Nyatakan jenis zarah bagi tetraklorometana.
State the types of particles of tetrachloromethane.
 Molekule/ *Molecule*

[1 markah/ 1 mark]

- (ii) Namakan bahan X.
Name substance X.
 Kuprum(II) sulfat / *Copper(II) sulphate*


[1 markah/ 1 mark]

- (iii) Kelaskan bahan kimia dalam Jadual 2 kepada unsur dan sebatian.
Classify the substance in Table 2 into elements and compounds.

Unsur <i>Element</i>	Sebatian <i>Compound</i>
Iodin / <i>Iodine</i> / I ₂ Aluminium / <i>Aluminium</i> / Al	Tetraklorometana / <i>Tetrachloromethane</i> / CCl ₄ Kuprum(II) sulfat / <i>Copper(II)</i> <i>sulphate</i> / CuSO ₄


[2 markah/ 2 marks]

- (b) Rajah 2 berikut menunjukkan perwakilan atom bagi unsur R
Diagram 2 shows the standard representation of atom for elemen R



Rajah 2 / *Diagram 2*

- (i) Lukis susunan elektron bagi atom R.
Draw the electron arrangement of atom R.



[1 markah/ 1 mark]

- (ii) Hitung bilangan neutron bagi atom R.
Calculate the number of neutron of atom R.

$$\text{Nombor nukleon} = \text{Nombor proton} + \text{Bilangan neutron}$$

$$23 = 11 + \text{neutron}$$

$$\text{Bilangan neutron} = 23 - 11$$

$$= 12$$

[1 markah/ 1 mark]

SOALAN ESEI

- 1 Jadual 1 menunjukkan bilangan proton, neutron dan elektron dalam atom P, Q, R, S, T dan U. Huruf-huruf yang digunakan bukan simbol sebenar bagi atom-atom tersebut.

Table 1 shows the number of protons, neutron and electron present in atom P, Q, R, S, T and U. The letters used are not the actual symbol of the atoms.

Atom/ Atom	P	Q	R	S	T	U
Bilangan proton <i>Number of protons</i>	11	9	6	d	20	6
Bilangan neutron <i>Number of neutrons</i>	12	b	6	7	e	8
Bilangan elektron <i>Number of electrons</i>	11	9	c	7	20	6
Nombor nukleon <i>Nucleon number</i>	a	19	12	14	40	14

Jadual 1 / Table 1

- (a) Berdasarkan Jadual 1:

Based on Table 1:

- (i) Nyatakan a, b, c, d, dan e

State a, b, c, d, and e

a : 23 b: 10 c: 6 d:7 e:20

[5 markah/ 5 marks]

- (ii) Tulis perwakilan piawai bagi atom Q dan T.

Write the standard representation of atoms Q and T.



[2 markah/ 2 marks]

- (iii) Pilih isotop bagi atom R dan tulis perwakilan piawai baginya.


Choose an isotope of atom R and write its standard representation.



[1 markah/ 1 mark]

- (iv) Lukis susunan elektron bagi kedua-dua isotop yang dinyatakan di 4(a)(iii)


Draw the electron arrangement for both isotopes stated in 4 (a)(iii).



[4 markah/ 4 marks]

- (b) Rajah 1 menunjukkan lengkung penyejukan bagi naftalena. Perubahan keadaan fizikal bagi naftalena pada setiap fasa dilabelkan sebagai A, B, C dan D.

Diagram 1 shows the cooling curve of naphthalene. The changes in the physical state of naphthalene for every phases are labelled as A, B, C and D.



Rajah 1/ Diagram 1

Tulis keadaan fizikal naftalena di AB, BC dan CD.

Kemudian terangkan perubahan yang berlaku dalam setiap fasa.

Write the physical state of naphthalene at AB, BC, and CD.

Then, explain the changes that occurred in every phase.

AB : Gas/ Gas

Suhu menurun. Gas menyejuk dan zarah-zarah kehilangan tenaga kinetik.

The temperature decreases. The gas cools down and the particle lose kinetic energy.

BC : Gas dan cecair/ Gas and liquid

Suhu tetap. Gas terkondensasi menjadi cecair. Zarah-zarah bergerak merapati antara satu sama lain. Tenaga yang dibebaskan ke persekitaran diimbangi oleh tenaga haba yang dibebaskan ke persekitaran diimbangi oleh tenaga haba yang terbebas apabila zarah menarik antara satu sama lain.

The temperature is constant. Gas condensates into liquid. The particle move closes to

one another. The energy released to the surroundings is balanced by the heat energy released when the particles pull on another.

CD : Cecair/ *Liquid*

Suhu menurun. Naftalena wujud dalam keadaan cecair serta zarah-zarah kehilangan tenaga kinetik dan bergerak dengan lebih perlahan.

The temperature decreases. Naphthalene exists in the liquid form as the particles lose kinetic energy and move slower.

[8 markah/ 8 marks]

BAB 3: KONSEP MOL, FORMULA DAN PERSAMAAN KIMIA

SOALAN OBJEKTIF

SPM 2009 Soalan 37

- 1 Jisim molekul relatif bagi $M_2(SO_4)_3$ ialah 342. Berapakah jisim atom relatif bagi unsur M?
[Jisim atom relatif: O = 16, S = 32]
The relative molecular mass of $M_2(SO_4)_3$ is 342. What is the relative atomic mass of element M?
[Relative atomic mass: O = 16, S = 32]
- A** 27 **B** 54
C 118 **D** 123

SPM 2006 Soalan 5

- 2 Jadual di bawah menunjukkan dua unsur dan jisim atom relatif masing – masing. Huruf yang digunakan bukan simbol sebenar unsur itu.
Table below shows two elements and their respective relative atomic mass. The letters used are not the actual symbol of the elements.

Unsur Element	Jisim atom relatif Relative atomic mass
X	24
M	12

Antara yang berikut, yang manakah benar tentang atom bagi unsur X dan unsur M?
Which of the following is true about the atom of elements X and M?

- A** Jisim 1 mol X adalah dua kali jisim 1 mol M
The mass of 1 mol of X is twice the mass of 1 mol of M.
- B** 1 mol X mempunyai jisim yang sama dengan 1 mol X
1 mol of X has the same mass as 1 mol of M
- C** Jisim satu atom X ialah 24 g dan jisim satu atom M ialah 12 g
The mass of an atom of X is 24 g and the mass of an atom of M is 12 g.
- D** Bilangan mol dalam 12 g atom X sama dengan bilangan mol dalam 12 g atom M.
The number of mole in 12 g of atom X is equal to the number of mole in 12 g of atom M.

SPM 2008 Soalan 38

- 3 Berapakah bilangan mol kuprum(II) nitrat dalam 56.4 g kuprum (II) nitrat $Cu(NO_3)_2$?
[Jisim atom relatif : O = 16, Cu = 64, N = 14].
What is the number of moles of copper(II) nitrate in 56.4 g of copper(II) nitrate, $Cu(NO_3)_2$?
[Relative atomic mass: O = 16, Cu = 64, N = 14].
- A** 0.30 mol **B** 0.32 mol
C 0.45 mol **D** 3.33 mol

SPM 2012 Soalan 6

4 Antara zarah yang berikut, yang manakah bersamaan dengan 1 mol?

Which of the following particles equal to 1 mole?

- A Bilangan atom dalam 1 g gas hidrogen
The number of atom in 1 g of hydrogen gas
- B Bilangan molekul dalam 1 g gas hidrogen
The number of molecule in 1 g of hydrogen gas
- C 6.02×10^{23} atom hidrogen dalam gas hidrogen
 6.02×10^{23} of hydrogen atoms in hydrogen gas.
- D 6.02×10^{23} molekul hidrogen dalam gas hidrogen
 6.02×10^{23} of hydrogen molecule in hydrogen gas.

SPM 2007 Soalan 36

5 Antara gas berikut, yang manakah mengandungi 0.4 mol atom pada suhu dan tekanan bilik?

[1 mol gas menempati isi padu sebanyak 24 dm³ pada suhu dan tekanan bilik]

Which of the following gases contains 0.4 mol of atoms at room temperature and pressure?

[1 mol of gas occupies the volume of 24 dm³ at room temperature and pressure]

- A 4.8 dm³ He
- B 4.8 dm³ H₂
- C 4.8 dm³ SO₃
- D 4.8 dm³ CO₂

SPM 2007 Soalan 36

6 Apabila kuprum(II) karbonat, CuCO₃ dipanaskan, gas yang terbebas menukarkan air kapur menjadi keruh.

Berapakah isi padu gas yang terbebas apabila 0.62 g kuprum(II) karbonat dipanaskan pada keadaan bilik?

[Jisim atom relatif ; C = 12, O = 16, Cu = 64 ; Isipadu molar gas = 24 dm³ mol⁻¹ pada keadaan bilik]

When copper(II) carbonate, CuCO₃ is heated, the gas released turns the lime water chalky.

What is the volume of gas released when 0.62 g of copper(II) carbonate is heated at room condition?

[Relative atomic mass; C = 12, O = 16, Cu = 64; Molar volume of gas = 24 dm³ mol⁻¹ at room conditions]

- A 5 cm³
- B 120 cm³
- C 240 cm³
- D 360 cm³

SPM 2006 Soalan 25

7. Formula bagi ion sulfat adalah SO₄²⁻ dan ion nitrat adalah NO₃⁻.

Jika formula garam sulfat bagi M ialah MSO₄, apakah formula garam nitrat bagi M?

The formula for a sulphate ion is SO₄²⁻ and for a nitrate is NO₃⁻.

If the formula of the sulphate salt of M is MSO₄, what is the formula of the nitrate salt of M?

- A MNO₃
- B M₂NO₃
- C M(NO₃)₂
- D M(NO₃)₃

SPM 2006 Soalan 36

8 Sebatian manakah yang mempunyai formula yang betul?

	Sebatian Compound	Formula Formula
A	Barium Nitrat <i>Barium Nitrate</i>	Ba(NO ₃) ₂
B	Plumbum(II) oksida <i>Lead(II) oxide</i>	PbO ₂
C	Kuprum(II) oksida <i>Copper(II) oxide</i>	Cu ₂ O
D	Argentum karbonat <i>Silver carbonate</i>	AgCO ₃

SPM 2009 Soalan 46

9 Persamaan kimia berikut menunjukkan pembakaran lengkap bagi gas etana

The following chemical equation shows the complete combustion of ethane gas.



Berapakah isipadu etana yang diperlukan untuk menghasilkan 2.2 g karbon dioksida pada suhu dan tekanan piawai?

[Jisim molar CO₂ = 44 g mol⁻¹. Isipadu molar gas pada suhu dan tekanan piawai = 22.4 dm³ mol⁻¹]

What is the volume of ethane needed to produce 2.2 g of carbon dioxide at standard temperature and pressure?


[*Molar mass of CO₂ = 44 g mol⁻¹. Molar volume of gas at standard temperature and pressure = 22.4 dm³ mol⁻¹*]

- | | | | |
|---|----------------------|---|----------------------|
| A | 0.05 dm ³ | B | 0.10 dm ³ |
| C | 0.56 dm ³ | D | 1.12 dm ³ |

SPM 2010 Soalan 4

10 Persamaan berikut mewakili satu tindak balas .

The following equation represents a reaction.




Apakah bahan – bahan tindak balas dalam persamaan ini?

What are the reactants in this equation?

- A Kuprum(II) nitrat dan air
Copper(II) nitrate and water
- B Kuprum(II) nitrat dan asid nitrik
Copper(II) nitrate and nitric acid
- C Kuprum(II) hidroksida dan asid nitrik
Copper(II) hydroxide and nitric acid
- D Kuprum(II) hidroksida dan kuprum(II) nitrat
Copper(II) hydroxide and copper(II) nitrate.

SPM 2007 Soalan 5

- 11 Rajah 1 menunjukkan tiga jenis bahan.
Diagram 1 shows three types of substances.



Rajah 1 / Diagram 1


Antara yang berikut, yang manakah benar tentang bahan pada Rajah 1?

Which of the following is true about the substances in Diagram 1?

- I Bilangan zarah dalam gas Z ialah sebanyak $3 \times 6.02 \times 10^{23}$
The number of particles in gas Z is $3 \times 6.02 \times 10^{23}$
- II Bilangan zarah dalam pepejal Y adalah dua kali lebih banyak daripada bilangan zarah dalam cecair X.
The number of particles in solid Y is two times greater than in liquid X.
- III Bilangan zarah dalam cecair X adalah lebih daripada bilangan zarah dalam gas Z
The number of particles in liquid X is more than in a gas Z.
- IV Bilangan zarah dalam pepejal Y adalah lebih daripada bilangan zarah dalam gas Z
The number of particles in solid Y is more than in a gas Z.
- A I dan II
I and II
- B I dan III
I and III
- C II dan III
II and III
- D II dan IV
II and IV

SPM 2005 Soalan 39

- 12 Gambar rajah menunjukkan suatu kawasan pelupusan sampah.
Aktiviti mikroorganisma di kawasan itu menghasilkan gas metana (CH_4)
The picture shows a waste disposal site.
The activity of microorganisms in the waste produces methane (CH_4)



Berapakah jisim gas metana (CH_4) yang terhasil?

What is the mass of methane (CH_4) produced?

[Diberi jisim atom relatif, H = 1, C = 12 dan 1 mol gas menempati 24 dm^3 pada suhu dan tekanan bilik]

[Given that the relative atomic mass H = 1, C = 12 and 1 mol of gas occupies 24 dm^3 at room temperature and pressure]


- A 12 g
- B 16 g
- C 21 g
- D 27 g

SOALAN STRUKTUR

Klon SPM 2007, Soalan 3

- 1 Rajah 1.1 menunjukkan susunan radas bagi kaedah yang digunakan untuk menentukan formula empirik bagi suatu sebatian

Diagram 1.1 shows the apparatus set up used to determine the empirical formula of a compound



Rajah 1.1 / Diagram 1.1

- (a) (i) Namakan satu logam yang sesuai digunakan untuk menentukan formula empirik menggunakan kaedah seperti dalam gambar rajah.

Name a metal suitable to be used to determine the empirical formula by using method as shown in the figure.

Magnesium oksida / Magnesium oxide

[1 markah / 1 mark]

- (ii) Berdasarkan jawapan anda pada 1a(i), mengapakah logam tersebut sesuai dalam menentukan formula empirik menggunakan kaedah seperti ditunjukkan dalam gambar rajah?

Why the metal you name in question 1(a)(i) suitable to determine the empirical formula by using method that show in the diagram?

Logam tersebut sangat reaktif bertindak balas dengan oksigen/ Metal reacting very reactively with oxygen

[1 markah / 1 mark]

- (iii) Semasa menjalankan eksperimen menggunakan kaedah di atas, mengapakah penutup mangkuk pijar perlu dibuka sekali sekala?
When carrying out an experiment using method above, why does the crucible lid need to be opened once in a while?

Untuk membolehkan udara memasuki magkuk pijar supaya bertindak balas dengan oksigen menghasilkan magnesium oksida / To enable air to enter the crucible for magnesium to react with oxygen, to produce magnesium oxide

[1 markah / 1 mark]

- (b) Rajah 1.2 menunjukkan keputusan bagi satu eksperimen untuk menentukan formula empirik bagi plumbum oksida.

Diagram 1.2 shows the results for an experiment to determine the empirical formula lead oxide.

Jisim tiub pembakaran <i>Mass of combustion tube</i>	= 64.00 g
Jisim tiub pembakaran + plumbum oksida <i>Mass of combustion tube + lead oxide</i>	= 117.5 g
Jisim tiub pembakaran + plumbum <i>Mass of combustion tube + lead</i>	= 113.68 g

Rajah 1.2 / *Diagram 1.2*

Berdasarkan rajah di atas, tentukan nilai yang berikut:

Based on diagram above, determine the values of the following:

[Jisim atom relatif, O = 16, Pb = 207]

[*Relative atomic mass, O = 16, Pb = 207*]

- (i) Jisim plumbum / *Mass of plumbum*
= $113.68 - 64.00 = 49.68$ g [1 markah / 1 mark]
- (ii) Bilangan mol plumbum / *Number of moles of lead*
= $49.68/207 = 0.24$ mol [1 markah / 1 mark]
- (iii) Jisim oksigen/ *Mass of oxygen*
= $117.52 - 113.68 = 3.84$ g [1 markah / 1 mark]
- (iv) Bilangan mol oksigen / *Number of moles of oxygen*
= $3.84/16 = 0.24$ mol [1 markah / 1 mark]
- (v) Formula empirik bagi plumbum oksida / *Empirical formula of lead oxide*
PbO [1 markah / 1 mark]

SPM 2012 Soalan 2

- 2 Jadual 1 menunjukkan formula empirik dan formula molekul bagi tiga sebatian.

Table 1 shows the empirical formulae and the molecular formulae of three compounds.

Sebatian / <i>Compound</i>	Formula empirik / <i>Empiric formula</i>	Formula molekul/ <i>Molecular formula</i>
X		C ₆ H ₆
Y	C ₂ H ₄ O	
Z	Cu (NO ₃) ₂	Cu (NO ₃) ₂

Jadual 1 / *Table 1*

- (a) (i) Nyatakan maksud formula molekul.
State the meaning of molecular formula.
Formula kimia yang menunjukkan nombor sebenar atom – atom bagi setiap unsur dalam suatu sebatian / *Chemical formula which shows the actual number atoms of each element in a compound* [1 markah / 1 mark]

- (ii) Jisim molekul relatif bagi sebatian W ialah 88. Tentukan formula molekul bagi sebatian W.

[Jisim atom relatif: C = 12, H = 1]

Relative molecular mass of compound W is 88. Determine the molecular formula of compound W.

[Relative atomic mass: C = 12, H = 1]

Jisim molekul relatif

$$= (\text{C}_2\text{H}_4\text{O})_n$$

$$= (12 \times 2 + 1 \times 4 + 16)n = 88$$

$$= n = 2$$

Formula molekul W

$$= \text{C}_4\text{H}_8\text{O}_2$$

[2 markah / 2 marks]

- (b) Tulis formula empirik bagi sebatian X.

Write the empirical formula of compound X.

CH

[1 markah / 1 mark]

- (c) Apabila sebatian Y dipanaskan dengan kuat, ia akan terurai membentuk kuprum (II) oksida, gas oksigen dan gas nitrogen dioksida.

Tulis persamaan kimia yang seimbang bagi penguraian sebatian Y.

When compound Y is heated strongly, it will be decomposed to form copper (II) oxide, oxygen gas and nitrogen dioxide gas.

Write a balance chemical equation



[2 markah / 2 marks]

- (d) Kopi merupakan minuman kegemaran ramai terutamanya mereka yang tinggal di negara – negara Eropah. Kopi gemar diambil pada waktu pagi kerana terdapat peransang semula jadi iaitu kafeina, $\text{C}_8\text{H}_{10}\text{N}_4\text{O}_2$, yang memberikan kesan kesegaran untuk mengelakkan rasa mengantuk pada waktu pagi. Walau bagaimanapun, kafeina boleh menyebabkan ketagihan sekiranya diambil secara berlebihan. Apakah formula empirik bagi kafeina?

Coffee is a favourite drink especially people live in Europe. Most people take a cup of coffee in the morning because coffee has a natural substance called Caffeine $\text{C}_8\text{H}_{10}\text{N}_4\text{O}_2$ that give freshness and to avoid feeling sleepy in the morning. Nevertheless, Caffeine will lead to addict if over consume. What is the empirical formula for the Caffeine?

$\text{C}_4\text{H}_5\text{N}_2\text{O}$

[1 markah / 1 mark]

SOALAN ESEI

- 1 Encik Fakhri merupakan seorang petani yang mengusahakan tanaman yang terdiri daripada sayur – sayuran. Beliau mendapati tanah pertanian beliau kurang subur dan memerlukan baja supaya tanamannya dapat tumbuh dengan lebih sihat. Beliau pergi ke tiga buah syarikat pengeluaran baja. Setiap daripada syarikat tersebut menawarkan jenis baja yang berbeza seperti ditunjukkan dalam Jadual 1.

Mr. Fakhri is a farmer that plants variety of vegetables. He discovered that his soil is unfertilized, so, he decided to buy fertilizer to solve his unfertilized soil. He went to three company that produced fertilizer. Each company offer different type of fertilizer as shown in Table 1.

Syarikat/ Company	Baja/ Fertilizer	Formula kimia/ Chemical formula
X	Ammonium sulfat/Ammonium sulphate	$(\text{NH}_4)_2\text{SO}_4$
Y	Urea/ Urea	NH_2CONH_2
Z	Hidrazina/ Hydrazine	N_2H_2

Jadual 1 / Table 1

- (b) Hitungkan peratus nitrogen mengikut jisim bagi setiap jenis baja.
Baja yang manakah yang terbaik perlu dibeli oleh Encik Fakhri dan nyatakan sebab anda.

[Jisim atom relatif: C = 12, H = 1, N = 14, O = 16, S = 32]

Calculate the percentage by mass of nitrogen for every type of fertilizer.

Which is the best fertilizer for Mr Fakhri to buy? State your reason

[Relative atomic mass: C = 12, H = 1, N = 14, O = 16, S = 32]

[4 markah / 4 marks]

Ammonium sulfat / Ammonium sulphate

$$2 \times 14 / 2[14 + 4(1)] + 32 \times 100\%$$

$$= 21.21\%$$

Urea

$$= 2 \times 14 / 14 + 2(1) + 12 + 16 + 14 + 2(1) \times 100\%$$

$$= 46.67\%$$

Hidrazina/Hydrazine

$$= 2 \times 14 / 2(14) + 4(1) \times 100\%$$

$$= 87.5\%$$

Hidrazina kerana mempunyai peratus nitrogen yang tinggi

Hydrazine, highest percentage of nitrogen


- (c) Rajah 1 menunjukkan dua biji belon yang diisi dengan 100 cm^3 gas oksigen dan 100 cm^3 gas hidrogen.

Sekiranya kedua belon dilepaskan secara serentak dalam keadaan bilik, belon yang manakah akan menjulang lebih tinggi? Nyatakan sebab anda menggunakan pengiraan.

[Jisim atom relatif: O = 16, H = 1, isi padu molar gas = $24 \text{ dm}^3 \text{ mol}^{-1}$]

Diagram 1 shows two balloons filled with 100 cm^3 oxygen gas and 100 cm^3 hydrogen gas. If both balloons is released simultaneously in room condition, which balloon will fly higher the other one? Explain your answers by calculation.

[Relative atomic gas: O = 16, H = 1, gas molar volume = $24 \text{ dm}^3 \text{ mol}^{-1}$]



100 cm^3 of oxygen gas
 100 cm^3 gas oksigen



100 cm^3 of hydrogen gas
 100 cm^3 gas hydrogen

Rajah 1 / Diagram 1

[6 markah / 6 marks]

1) O_2

Isipadu / Volume = $100 \div 1000 = 0.1 \text{ dm}^3$

Bilangan mol / Number of mole = $0.1 \times 24 = 2.4 \text{ mol}$

Bilangan mol / Mass of oxygen = $2.4 \times 2(16) = 76.8 \text{ g}$

H_2

2) Isipadu / Volume = $100 \div 1000 = 0.1 \text{ dm}^3$

Bilangan mol / Number of mole = $0.1 \times 24 = 2.4 \text{ mol}$

Bilangan mol / Mass of oxygen = $2.4 \times 2(1) = 4.8 \text{ g}$

3) Gas Hidrogen / Hydrogen gas

4) Jisim lebih rendah / mass of hydrogen gas less than oxygen

- (d) Logam P merupakan logam yang sangat reaktif apabila bertindak balas dengan oksigen. Azman diminta untuk menentukan formula empirik bagi oksida logam P.

Huraikan bagaimana Azman menentukan formula empirik bagi oksida logam itu. Sila sertakan langkah pengiraan

Metal P is a very reactive metal when reacting with oxygen. Azman was asked to determine the empirical formula of the metal P oxide.

Describe how Azman can form an empirical formula of metal oxide P.

Please include calculation steps:

[10 markah/ 10marks]

(i) Prosedur eksperimen / *Experimental procedure*

1. Timbang dan rekodkan jisim mangkuk pijar bersama penutupnya
Weigh a crucible with its lid and record its mass.
2. Bersihkan 10 cm logam P menggunakan kertas pasir dan kemudian gulungkannya
Clean 10 cm metal P using sand paper and coil it.
3. Letakkan logam P ke dalam mangkuk pijar dan timbang bersama – sama penutup. Rekodkan jisimnya
Put metal P in the crucible and weigh with its lid. Record the mass.
4. Panaskan mangkuk pijar dengan kuat tanpa penutupnya
Heat the crucible strongly without its lid.
5. Tutup penutup apabila mula terbakar.
Close the lid when the metal starts burning
6. Sekali sekala buka dan tutup penutup dengan cepat
Once in a while open and close the lid quickly.
7. Apabila pembakaran telah lengkap, hentikan pemanasan
When burning is complete, stop the heating.
8. Biarkan mangkuk pijar sejuk dan timbang semula.
Let the crucible cool and weigh again.
9. Ulangi proses pemanasan, penyejukan dan penimbangan sehingga jisim tetap diperoleh.
Repeat the heating, cooling and weighing process until a constant mass is recorded.

(ii) Langkah pengiraan / *Calculation steps*

Perkara <i>Description</i>	Jisim (g) <i>Mass (g)</i>
Mangkuk pijar + penutup <i>Crucible + lid</i>	X
Mangkuk pijar + penutup + logam P <i>Crucible + lid + metal P</i>	Y
Mangkuk pijar + penutup + logam oksida P <i>Crucible + lid + metal oxide P</i>	Z

Formula empirik oksida logam P / *Empirical formula of metal P oxide*

Unsur / <i>Element</i>	P	O
Jisim (g) / <i>Mass (g)</i>	Y - X	Z - Y
Mol / <i>mole</i>	$(Y - X) / \text{Jisim atom relatif P}$ = M	$(Z - Y) / 16$ = N
Nisbah mol / <i>Mole ratio (Anggap / Assume M > N)</i>	M/N = m	N/N = 1
Formula empiric / <i>Empirical formula</i>	P_mO	

BAB 4: JADUAL BERKALA UNSUR

SOALAN OBJEKTIF

1. Z bukan simbol sebenar suatu unsur yang mempunyai susunan elektron 2.8.4. Dimanakah kedudukan unsur Z dalam Jadual Berkala Unsur?

Z is not the actual symbol of the element have electrons arrangement 2.8.4.

Where is the element Z placed in the Periodic Table of Elements?

	Kumpulan Group	Kala Period
A	3	14
B	14	3
C	4	3
D	3	4

2. Unsur X berada dalam kumpulan 18 dalam Jadual Berkala. X bukan simbol sebenar unsur tersebut. Gas X digunakan dalam lampu iklan.

Apakah X?

Element X is located in group 18 in The Periodic Table. X is not the actual symbol of the element. Gas X is use in the advertising light.

What is X?

- A** Helium/ *Helium*
B Neon/ *Neon*
C Argon/ *Argon*
D Krypton/ *Krypton*
3. Dalam Jadual berkala yang moden, unsur-unsur disusun mengikut...
- In the modern Periodic Table, the elements are arranged in order of the...*
- A** Nombor nukleon / *Nucleon numbers*
B Bilangan neutron / *Number of neutrons*
C Nombor proton / *Proton numbers*
D Elektron valens / *Valence electrons*
4. Antara pernyataan berikut, yang manakah menerangkan corak aliran sifat-sifat bagi unsur dari kiri ke kanan merentasi Jadual Berkala?
- Which of the following statements describes the trend of the properties of the elements from the left to the right across a period of the Periodic Table?*
- A** Unsur-unsur berubah daripada bukan logam kepada logam
The elements change from non-metals to metals
B Unsur-unsur berubah daripada logam kepada bukan logam
The elements change from metals to non-metals
C Elektron valens bagi atom berkurangan
The valence electrons of an atom decrease
D Nombor jisim atom berkurangan
The mass numbers of the elements decrease

5. Rajah 1 menunjukkan enam unsur dalam Kala 4 dalam Jadual Berkala Unsur. Antara yang berikut, yang manakah benar tentang unsur-unsur itu?
Diagram 1 shows six elements in Period 4 of the Periodic Table of Elements. Which of the following is true about the elements?

					Cr	Mn	Fe	Co	Ni	Cu							

Rajah 1 / Diagram 1

- I Mempunyai takat lebur yang rendah
They have a low melting point
- II Tidak mengkonduksikan haba
They do not conduct heat
- III Boleh membentuk sebatian yang berwarna
They are able to form coloured compounds
- IV Boleh menunjukkan nombor pengoksidaan yang berlainan dalam sebatianannya
They are able to show different oxidation numbers in their compounds
- A** I dan II
I and II
- B** I dan III
I and III
- C** II dan IV
II and IV
- D** III dan IV
III and IV
6. Jadual 1 menunjukkan nombor proton bagi lima unsur. Dua unsur manakah adalah dalam kumpulan yang sama dalam Jadual berkala?
Table 1 shows the proton numbers of five elements. Which two elements are in the same group of the Periodic Table?

Unsur <i>Element</i>	V	W	X	Y	Z
Nombor proton <i>Proton number</i>	3	5	8	10	11

Jadual 1 / Table 1

- A** V dan W
V and W
- B** X dan Y
X and Y
- C** W dan Z
W and Z
- D** V dan Z
V and Z

7. Rajah 2 menunjukkan empat unsur dalam Kumpulan 1 Jadual Berkala Unsur.
Diagram 2 shows four elements in Group 1 of the Periodic Table of elements.

Li
Na
K
Rb

Rajah 2 / Diagram 2

Antara berikut, yang manakah benar tentang unsur-unsur ini?

Which of the following is true about the elements?

- A** Unsur-unsur ini keras
They are hard
- B** Unsur-unsur ini membentuk sebatian berwarna
They formed coloured compounds
- C** Unsur-unsur ini menjadi lebih reaktif apabila menuruni kumpulan tersebut
They become more reactive going down the group
- D** Takat lebur unsur-unsur ini meningkat apabila menuruni kumpulan tersebut
Their melting points increase going down the group
8. Rajah 3 menerangkan sifat-sifat satu unsur.
Diagram 3 describes the characteristics of an element.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Mempunyai susunan electron 2.8.7
<i>has an electron configuration of 2.8.7</i>• Gas berwarna kuning kehijauan pada suhu bilik.
<i>A greenish-yellow gas at room temperature</i>• Wujud sebagai molekul dwiatom
<i>Exists as a diatomic molecule.</i> |
|--|

Rajah 3 / Diagram 3

Unsur ini mungkin ialah...

This element is probably...

- A** Natrium / Sodium
- B** Neon / Neon
- C** Bromin / Bromine
- D** Klorin / Chlorine
9. Pernyataan manakah yang tidak menerangkan mengapa kereaktifan unsur Kumpulan 17 menurun apabila menuruni kumpulan itu?
Which statement does not explain why the reactivity of Group 17 elements decreases when going down the group?
- A** Saiz atom unsur Kumpulan 17 meningkat apabila menuruni kumpulan
The atomic size of elements in Group 17 increases down the group
- B** Elektron di petala paling luar semakin jauh daripada nukleus
The electron in the outermost shell becomes further from nucleus
- C** Daya tarikan nukleus semakin lemah
The nuclei attraction force becomes weaker
- D** Daya tarikan antara molekul semakin kuat
Force of attraction between molecules becomes stronger

10. Antara maklumat berikut, yang manakah boleh digunakan untuk menentukan kedudukan unsur dalam kumpulan dan kala masing-masing?
Which of the following information can be used in assigning elements into their respective groups and periods?

- I Jisim atom/ *Atomic mass*
- II Bilangan petala/ *Number of shells*
- III Sifat-sifat fizikal/ *Physical properties*
- IV Susunan elektron/ *Electron arrangement*

- A I dan II B I dan III
I and II I and III
- C II dan IV D III dan IV
II and IV III and IV

SOALAN STRUKTUR

- 1 Jadual 1 menunjukkan tiga unsur dengan nombor proton masing-masing. Huruf yang digunakan bukan simbol sebenar unsur-unsur tersebut.

Table 1 shows three elements with their respective proton numbers.

The letters used are not the actual symbol of the element.

Unsur/ <i>Element</i>	Nombor proton/ <i>Proton number</i>
<i>P</i>	3
<i>Q</i>	9
<i>R</i>	11

Jadual 1 / *Table 1*

Berdasarkan Jadual 1:

Based on Table 1:

- (a) Nyatakan kedudukan unsur P dalam Jadual Berkala.

State the position of the element P in the Periodic Table.

Kumpulan 1 dan Kala 2

[1 markah / 1 mark]

- (b) Nyatakan satu sifat fizikal unsur Q.

State a physical property of element Q.

Gas pada suhu bilik

[1 markah / 1 mark]

- (c) (i) Unsur R adalah dari kumpulan yang sama dengan unsur P. Bandingkan kereaktifan unsur P dan R apabila bertindak balas dengan unsur Q.

Element R is from the same group as element P. Compare the reactivity of element P and R when reacting with the element Q.

Unsur R lebih reaktif berbanding unsur P

[1 markah / 1 mark]

- (ii) Seorang murid ingin menentukan kecergasan tindak balas logam alkali tanpa mengujinya langsung dengan air. Pada pandangan anda, adakah murid itu membuat penilaian yang betul di mana unsur R lebih cergas dan oleh itu bergerak lebih laju berbanding unsur P di atas permukaan air?

Terangkan jawapan anda,

A student wants to determine the reactivity of alkali metals without testing it at all with water. In your opinion, did the student make the right decision by deciding element R is more active and hence moving faster than element P on the surface of water?

Explain your answer.

Ya. Atom unsur R lebih besar dari atom unsur P. Daya tarikan nukleus terhadap electron valens lebih lemah dalam atom unsur R. Lebih mudah untuk atom unsur R melepaskan electron berbanding atom unsur P maka atom unsur R lebih reaktif.

[4 markah / 4 mark]

- 2 Rajah 1 menunjukkan kedudukan unsur L, M, Q, R, T, W, X, Y dan Z dalam Jadual Berkala Unsur.

Diagram 1 shows the positions of the elements L, M, Q, R, T, W, Y and Z in the Periodic Table.

																	L		
	M																Q	R	
T																	W	Y	Z

Diagram 1 / Rajah 1

Bedasarkan Rajah 1:

Based on Diagram 1:

- (a) (i) Unsur yang manakah membentuk oksida bersifat bes?

Which element forms a basic oxide?

T/M

[1 mark / 1 markah]

- (ii) Tuliskan satu persamaan apabila oksida bes dalam a(i) ini dilarutkan dalam air.

Write an equation for the reaction that take place when this basic oxide in a (i) is dissolved in water.



[1 mark / 1 markah]

- (b) (i) Nyatakan perubahan dalam size atom bagi unsure daripada T, W ke Y.
State the changes in atomic size of elements from T, W to Y.

Saiz semakin kecil

[1 mark / 1 markah]

- (ii) Terangkan jawapan anda di b(i)

Explain your answer in b(i).

Nombor proton bertambah menyebabkan daya tarikan antara
electron vales dan nuklues semakin kuat.

[2 mark / 2 markah]

- (c) Mengapakah unsur Q dan R berada dalam kala yang sama?


Why are elements Q and R placed in the same period?

Mereka mempunyai bilangan petala yang berisi elektron yang sama.

[1 mark / 1 markah]

- (d) Unsur Z bertindak balas dengan besi panas. Seimbangkan persamaan kimia di bawah.

Element Z can react with hot iron. Balance the following chemical equation.



[1 markah / 1 mark]


- (ii) Apakah warna FeZ₃ yang terbentuk.

What is the colour of FeZ₃ formed.

Perang.

[1 markah / 1 mark]

- (e)



Mikrocip digunakan dengan meluas dalam pemasangan komputer, televisyen, telefon bimbit, kamera dan peralatan mikroelektronik yang lain.

Unsur yang manakah sesuai digunakan meluas dalam industri mikroelektronik?

Bolehkah unsur R digunakan dalam industri mikroelektronik ini? Berikan alasan anda.

Microchips are widely used in the installation of computers, televisions, mobile phones, cameras and other microelectronic equipment.

Which element is suitable for widespread use in the microelectronics industry?

Can element R be used in this microelectronics industry? Give your reasons.

Unsur Y/ Silikon. Tidak boleh. Kerana unsur R bukan separa logam atau metalloid. Ia tidak dapat menunjukkan kedua-dua sifat logam dan sifat bukan logam.

...
...
...

[3 markah / 3 mark]

SOALAN ESEI

- 1 Rajah 1 menunjukkan sebahagian daripada Jadual Berkala Unsur. Huruf-huruf yang digunakan bukan merupakan symbol sebenar unsur.

Diagram 1 shows part of the Periodic Table of Elements. The letters used are not the actual symbols of the elements.




Diagram 1 / Rajah 1

- (a) Susun unsur-unsur dalam Kala 3 mengikut tertib menaik berdasarkan saiz atom. Huraikan jawapan anda.
Arrange the elements in Period 3 in ascending order based on the atomic size. Describe your answer.

[4 markah / 4 mark]

H, G, F, E, D, C, B, A.

Apabila merentasi kala dari kiri ke kanan, bilangan proton bertambah, Cas positif nukleus turut bertambah.

Daya tarikan nukleus menjadi semakin kuat.

Maka, elektron ditarik dengan lebih dekat kepada nucleus. Oleh itu, saiz atom berkurang.

- (b) Nyatakan dua ciri istimewa unsur I yang tidak dimiliki oleh unsur A.
State two special characteristics of element R that are not possessed by element A.

[2 markah / 2 mark]

Berupaya membentuk ion atau sebatian berwarna / Mempunyai lebih daripada satu nombor pengoksidaan / Bertindak sebagai mangkin / Membentuk ion kompleks.

- (c) Kaji pernyataan di bawah.
Study the statement below.

Menuruni kumpulan, sifat kereaktifan bagi unsur-unsur Kumpulan 1 meningkat manakala kereaktifan bagi unsur-unsur Kumpulan 17 menurun. <i>Going down the group the reactivity property of elements in Group 1 increases while the reactivity of elements in Group 17 decreases.</i>

Berdasarkan pernyataan di atas, berikan penerangan anda.

Based on the above statement, give your explanation.

[8 markah / 8 mark]

Menuruni kumpulan 1, bilangan proton bertambah. Saiz atom bertambah. Jadi jarak antara elektron valens dengan nukleus juga bertambah yang menyebabkan daya tarikan nukleus terhadap elektron valens semakin lemah. Oleh itu, kecenderungan atom melepaskan elektron semakin bertambah. Maka kereaktifan semakin meningkat.

Menuruni kumpulan 17, bilangan proton bertambah. Saiz atom bertambah. Jadi jarak antara elektron valens dengan nukleus juga bertambah yang

menyebabkan daya tarikan nukleus terhadap elektron valens semakin lemah. Oleh itu, kecenderungan atom menerima elektron semakin berkurang. Maka kereaktifan semakin berkurang.

- (d) Kalium bertindak balas dengan oksigen untuk membentuk suatu sebatian pepejal yang berwarna putih.

Tulis persamaan kimia bagi tindak balas ini.

Apakah yang anda dapat perhatikan apabila pepejal putih ini ditambahkan kepada larutan natrium hidroksida dan asid nitrik?

Berikan nilai pH bagi larutan yang terhasil dan nyatakan sifat oksida sebatian tersebut.


Potassium reacts with oxygen to form a white solid compound.

Write a chemical equation for this reaction.

What can you observe when this white solid is added to sodium hydroxide solution and nitric acid?

Give the pH value of the solution produced and state the property of the oxide of the compound.

[6 markah / 6 mark]




Pepejal putih tersebut larut di dalam larutan natrium hidroksida untuk membentuk larutan tidak berwarna tetapi tidak larut di dalam asid nitrik. pH larutan tersebut ialah 9 dan bersifat bes.

BAB 5: IKATAN KIMIA

SOALAN OBJEKTIF

SPM 2011


1. Rajah 1 menunjukkan susunan elektron bagi ion Y.
Diagram 1 shows electron arrangement of the Y ion.



Rajah 1 / Diagram 1

Berapakah bilangan elektron valens bagi atom Y?
What is the number of valence electron for atom Y?

- A 1
C 6
- B 2
D 7
2. Ikatan datif adalah sejenis ikatan kovalen. Ikatan datif boleh dijumpai dalam?
Dative bond is a type of covalent bonding. Dative bonds exist in?
- A Ammonia
Ammonia
- B Nitrogen
Nitrogen
- C Urea
Urea
- D Ion ammonium
Ammonium ion
3. Rajah 2 menunjukkan unsur Q dan unsur R bertindak balas untuk menghasilkan sebatian S.
Diagram 2 shows Element of Q and R reacting to produce S compound.




Rajah 2 / Diagram 2

Apakah jenis ikatan kimia yang terlibat?
What is the type of bond involved?

- A Ikatan ion
Ionic bond
- B Ikatan kovalen
Covalent bond
- C Ikatan datif
Dative bond
- D Ikatan logam
Metallic bond
- SPM 2013
4. Unsur Q bertindak balas dengan oksigen untuk membentuk satu sebatian dengan formula, QO_2 . Apakah susunan elektron yang betul bagi Q?
[Nombor proton: O=8]
Element Q reacts with oxygen to form a compound with formula, QO_2 .
What is the correct electron arrangement of Q?
[Proton number: O=8]
- A 2.1
C 2.3
- B 2.2
D 2.4

SPM 2017

5. Rajah 3 menunjukkan susunan elektron bagi satu sebatian kimia.
Diagram 3 shows the electron arrangement of a chemical compound.



Rajah 3 / Diagram 3


Apakah unsur-unsur yang diwakili oleh W dan Z?

What are the elements represented by W and Z?

	W	Z
A	Natrium Sodium	Oksigen Oxygen
B	Magnesium Magnesium	Oksigen Oxygen
C	Magnesium Magnesium	Fluorin Fluorine
D	Natrium Sodium	Fluorin Fluorine

6. Rajah 4 berikut menunjukkan susunan radas untuk menentukan kekonduksian elektrik sesuatu bahan.

The Diagram 4 below shows the apparatus set-up to determine the electrical conductivity of a substance



Rajah 4 / Diagram 4

Apakah bahan X yang membolehkan mentol menyala apabila suis dihidupkan?

What is the X substance that allows the bulb to light up when the switch is open?

- I Larutan natrium hidroksida
Sodium hydroxide solution
 - II Etanol
Ethanol
 - III Larutan gula
Sugar solution
 - IV Larutan kalium klorida
Potassium chloride solution
- A I dan III B I dan IV
C II dan III D II dan IV

SPM 2018

7. Antara yang berikut, yang manakah sifat tetraklorometana?
Which of the following is the property of tetrachloromethane?

- A Tidak meruap
Non-volatile
- B Tidak larut dalam pelarut organik
Insoluble in organic solvent
- C Mempunyai takat lebur dan takat didih yang rendah
Has low melting point and boiling point
- D Mengkonduksi elektrik dalam semua keadaan
Conduct electricity in any state

8. Elektron valens atom logam dinyahsetempatkan membentuk lautan elektron. Daya elektrostatik antara lautan elektron dan ion logam bercas positif membentuk ikatan logam. Antara atom berikut manakah mempunyai ikatan logam?

Valence electron of the metal atom is delocalized to form a sea of electrons. Electrostatic force between the sea of electrons and the positively charged metal ion produce the metallic bond.

Which of the following has metallic bonding in its atom?

- A $\begin{matrix} 24 \\ 12 \\ W \end{matrix}$
- B $\begin{matrix} 12 \\ 6 \\ X \end{matrix}$
- C $\begin{matrix} 16 \\ 8 \\ Y \end{matrix}$
- D $\begin{matrix} 4 \\ 2 \\ Z \end{matrix}$

SPM 2016

9. Jadual 1 menunjukkan maklumat bagi unsur X, Y dan Z.

Table 1 shows the information of elements X, Y and Z.

Unsur <i>Element</i>	W	X	Y
Nombor Proton <i>Proton number</i>	Kurang daripada 12 <i>Less than 12</i>	12	Lebih daripada 12 <i>More than 12</i>
Takat lebur ($^{\circ}\text{C}$) <i>Melting point ($^{\circ}\text{C}$)</i>	1285	650	839
Formula klorida <i>Formula of chloride</i>	XCl_2	YCl_2	ZCl_2
Formula oksida <i>Formula of oxide</i>	XO	YO	ZO

Jadual 1 / Table 1

Pernyataan manakah yang betul?

Which statement is correct?


- A Jisim atom relatif berkurangan dari unsur X, Y dan Z
The relative atomic mass decreases from element X, Y and Z
- B Unsur X, Y dan Z menunjukkan sifat kimia yang sama
Elements X, Y and Z show similar chemical properties
- C Unsur X, Y dan Z larut dalam air untuk menghasilkan larutan berasid
Elements X, Y and Z dissolve in water to produce acidic solution
- D Pepejal hitam terbentuk apabila unsur X, Y dan Z bertindak balas dengan oksigen
Black solid is formed when elements X, Y and Z react with oxygen

10. Antara yang berikut, yang manakah benar tentang suatu pembentukan sebatian?
Which of the following statement is true about the formation of compound?
- A Unsur-unsur yang membentuk sebatian adalah reaktif secara kimia
The elements formed are chemically reactive
 - B Unsur-unsur yang terlibat menjadi kurang stabil selepas sebatian terbentuk
The elements involved become less stable after the compound is formed
 - C Sebatian yang dibentuk biasanya mempunyai daya tarikan elektrostatik yang lemah di antara zarah-zarahnya.
Substance that is formed normally have weak electrostatic forces between its particles
 - D Sebatian yang dibentuk merupakan gabungan melebihi dua jenis unsur melalui ikatan kimia yang tertentu
Substance that is formed through certain type of chemical bonds joining more than two elements.

SOALAN STRUKTUR

1. (a) Atom aluminium dan atom klorin bertindak balas membentuk satu sebatian ion. Rajah 1.1 menunjukkan aluminium klorida yang merupakan sebatian yang terbentuk daripada tindak balas antara aluminium dengan klorin.

Aluminium and chlorine atoms react to form an ionic compound. Diagram 1.1 shows aluminium chloride which is the compound that is formed from a reaction between aluminium and chlorine.



Rajah 1.1 / Diagram 1.1

- (i) Bagaimanakah ion-ion yang berikut terbentuk?
How are the following ions formed?
Ion aluminium/ *Aluminium ion*:
Terbentuk apabila atom aluminium mendermakan tiga elektron kepada tiga atom klorin/*Formed when a aluminium atom donates three electrons to three chlorine atoms.*
Ion klorida / *Chloride ions*:
Terbentuk apabila tiga atom klorin menerima satu elektron dari atom aluminium/
Formed when three chloride atoms receive one electron from a aluminium atom.
[2 markah/ 2 marks]
- (ii) Terangkan ikatan yang terbentuk antara ion-ion ini.
Explain the bond that is formed between these ions.
Satu ikatan terbentuk antara ion yang mempunyai cas berlawanan hasil daripada proses pemindahan elektron antara dua atom. Ikatan yang terbentuk ini dinamakan ikatan ion.
A bond is formed between ions of opposite charges as a result of transfer of electrons between the two atoms. This bond is known as an ionic bond.
[2 markah/2 marks]
- (iii) Nyatakan mengapa kekonduksian elektrik bagi sebatian ini adalah berbeza dalam keadaan pepejal berbanding dengan dalam keadaan leburan.
State why the electrical conductivity of this compound is different in the solid state compared to the molten state.
Keadaan pepejal / *Solid state*:
Dalam keadaan pepejal, ion dengan cas berlawanan dipegang kuat daya tarikan elektrostatik antara mereka dan ion-ion tidak bebas bergerak. Dalam keadaan pepejal, sebatian ini tidak boleh mengkonduksikan elektrik.

In solid state, ions with opposite charges are held together by strong electrostatic forces of attraction between them and the ions are not free to move. In the solid state, this compound does not conduct electricity.

Keadaan leburan/ Molten state:


Dalam keadaan leburan, ion dengan cas berlawanan bebas bergerak dan boleh mengkonduksikan elektrik.

In the molten state, ions with opposite charges are free to move and can conduct electricity.

[2 markah/ 2 marks]

- (b) Rajah 1.2 menunjukkan konfigurasi elektron bagi unsur W dan unsur Z. Huruf yang digunakan bukan simbol sebenar unsur itu.

Diagram 1.2 shows the electron configurations of element W and element Z. The letters used are not the actual symbols of the elements.



Rajah 1.2

Diagram 1.2

- (i) Nyatakan dua sifat fizik bagi sebatian yang terbentuk daripada tindak balas antara kedua-dua unsur ini.


State two physical properties of a compound that is formed from a reaction between these two elements.

1. *Mempunyai takat lebur yang rendah/Has a low melting point*
2. *Tidak mengkonduksikan elektrik / Does not conduct electricity*

[2 markah/ 2 marks]

- (ii) Lukis rajah untuk menunjukkan struktur elektron bagi sebatian, WZ_4 .


Draw a diagram to show the electronic structure of the compound, WZ_4 .



[2 markah / 2 marks]

2. (a) Rajah 2 menunjukkan rod magnesium dan rod aluminium yang sama saiz, panjang dan dimensi telah digunakan sebagai sampel untuk menguji kekuatan ikatan logam tersebut.

Diagram 2 shows magnesium rod and aluminium rod of the same size, length and dimension are used as sample to test the strength of their metallic bond.



Rajah 2 / Diagram 2

- (i) Nombor proton bagi logam magnesium ialah 12 dan nombor proton untuk aluminium ialah 13. Tuliskan susunan elektron untuk kedua-dua magnesium dan aluminium.

The proton number of magnesium metal is 12 and proton number of aluminium is 13. Write the electron arrangement for both magnesium and aluminium.

Magnesium = 2.8.2

Aluminium = 2.8.3

[2 Markah / 2 marks]

- (ii) Antara rod magnesium dan rod aluminium, yang manakah mempunyai ikatan logam yang lebih kuat?

Between magnesium rod and aluminium rod, which metal have the strongest bond?

Ikatan logam Aluminium / Metallic bond of Aluminium

[1 markah/ 1 mark]

- (iii) Terangkan jawapan anda dalam 1(a) (ii)

Explain your answer in 1 (a) (ii)

Aluminium memiliki elektron valens yang lebih banyak berbanding magnesium/ Aluminium has more valence electrons than magnesium

[1 markah / 1 mark]

- (iv) Kedua-dua logam tersebut boleh digunakan sebagai konduktor elektrik. Mengapa?

Both of metal can be used as conductor of electricity. Why?

Kedua-dua magnesium dan aluminium mempunyai elektron yang bergerak bebas di petala elektron valens.

Both magnesium and aluminium have free-moving electrons in their valence electron shells

Apabila sumber elektrik dibekalkan kepada rod logam tersebut, elektron-elektron yang bergerak ke arah terminal positif dan menyebabkan kekonduksian elektrik.

When electrical potential is applied to the metal rod, the free-moving electrons will move to the positive terminal causing electrical conductivity.

[2 markah / 2 marks]

SOALAN ESEI

1. Jadual 1 di bawah menunjukkan maklumat bagi unsur X, Y dan Z bersama dengan susunan elektron mereka. Unsur X dan Z masing-masing bertindak balas dengan unsur Y dan membentuk suatu ikatan kimia.

Table 1 below shows the information of elements X, Y and Z with their electron configurations. Elements X and Z react with element Y respectively and chemical bonds are formed.

Unsur <i>Element</i>	Susunan elektron <i>Electron configuration</i>
X	2.4
Y	2.8.1
Z	2.8.7

Jadual 1 / *Table 1*

- (a) Nyatakan dua jenis ikatan kimia yang terbentuk
State two types of chemical bonds formed.

[2 markah/ 2 marks]

Ikatan ion dan ikatan kovalen / Ionic bond and covalent bond

- (b) Jelaskan bagaimana ion-ion terhasil daripada unsur Y dan Z masing-masing. Kemudian terangkan bagaimana sebatian terbentuk apabila unsur Y dan Z bertindak balas. Masukkan struktur elektron dalam jawapan anda.


Explain how ions are produced from the elements Y and Z respectively. Hence, explain how a compound is formed when elements Y and Z reacts. Include the electronic structure in your answers.

[10 markah / 10 marks]

- Atom Y mempunyai konfigurasi elektron yang tidak stabil, 2.8.1 / *Atom Y has an unstable electron configuration, 2.8.1.*
- Oleh sebab itu, atom Y perlu menderma satu elektron kepada atom lain untuk mencapai kestabilan oktet dengan elektron 2.8 / *Thus, atom Y has to donate one electron to other atom in order to achieve the octet stable electron configuration, 2.8.*
- Seterusnya, ion Y^+ terbentuk kerana mengandungi 10 nombor elektron dan 11 nombor proton / *Hence, ion Y^+ formed because it contains 10 electrons dan 11 protons numbers.*
- Atom Z mempunyai konfigurasi elektron yang tidak stabil, 2.8.7. / *Atom Z has an unstable electron configuration, 2.8.7.*
- Oleh sebab itu, atom Z perlu menerima satu elektron daripada atom lain untuk mencapai kestabilan oktet dengan konfigurasi elektron 2.8.8. / *Thus, it has to receive one electron from other atom in order to achieve the octet stable electron configuration, 2.8.8.*
- Seterusnya, ion Z^- terbentuk kerana mengandungi 18 nombor elektron dan 17 nombor proton. / *Hence, ion Z^- formed because it contains 18 electrons and 17 proton numbers.*
- Dalam pembentukan sebatian antara unsur Y dengan Z, satu atom Y menderma satu elektron kepada atom Z. / *In formation of compound between elements Y and Z, an atom of Y donates one electron to an atom Z.*
- Ion yang berlawanan cas, Y^+ dan Z^- , terbentuk melalui daya ikatan elektrostatik

yang kuat dipanggil ikatan ion membentuk sebatian dengan formula YZ / *Opposite charged ions, Y⁺ and Z⁻, formed by the strong electrostatic forces called ionic bond formed a compound with formula YZ.*

- Struktur elektron sebatian YZ: / *The electronic structure of YZ compound is:*



- (c) Suatu sebatian terbentuk antara unsur X dan unsur Z. Terangkan bagaimana sebatian tersebut terbentuk.

A compound is formed between the elements of X and Z. Explain how a compound formed between elements of X and Z.

[8 markah / 8 marks]

- Atom X mempunyai susunan elektron yang tidak stabil, 2.4. / *Atom X has an unstable electron configuration, 2.4*
- Atom X mempunyai empat elektron valens dan memerlukan empat lagi elektron untuk memenuhi petala terluarnya bagi mencapai kestabilan oktet dengan susunan elektron 2.8. / *Atom X has four valence electrons and needs four more electrons to fill its outermost shell in order to achieve the octet stable electron arrangement, 2.8.8.*
- Setiap atom X mendermakan empat elektron secara perkongsian. / *Each atom X donates four electrons of sharing.*
- Atom Z mempunyai konfigurasi elektron yang tidak stabil, 2.8.7 / *Atom Z has an unstable electron configuration, 2.8.7.*
- Atom Z mempunyai tujuh elektron valens dan memerlukan satu lagi elektron untuk memenuhi petala terluarnya bagi mencapai kestabilan oktet dengan konfigurasi elektron, 2.8.8. / *Atom Z has seven valence electrons and need one more electron to fill its outermost shell in order to achieve the stable octet electron arrangement, 2.8.8.*
- Setiap atom Z mendermakan satu elektron secara perkongsian. / *Each atom Z donates one electron of sharing.*
- Satu atom X berkongsi empat pasang elektron secara perkongsian dengan 4 atom Z untuk mencapai kestabilan oktet konfigurasi elektron masing-masing. / *One atom X shares four pairs of electrons with four atom of Z to achieve the stable octet electron configuration respectively.*
- Atom X membentuk empat ikatan kovalen tunggal dengan empat atom Z untuk membentuk sebatian kovalen, XZ₄. / *The atom X forms four single covalent bonds with four atoms Z to form a covalent compound, XZ₄*

6. Pemanasan oksida logam X menghasilkan suatu hasil tindak balas yang berwarna kuning semasa panas dan berwarna putih semasa sejuk. Apakah X?
Heating of metal oxide X produces a reaction product that is yellow when hot and white when cold. What is X?
- | | |
|----------------------------------|---------------------------------|
| A Ferum
<i>Iron</i> | B Zink
<i>Zinc</i> |
| C Kuprum
<i>Copper</i> | D Plumbum
<i>Lead</i> |
7. Apakah kepekatan asid sulfurik, H_2SO_4 yang mempunyai kemolaran 1.5 mol dm^{-3} dalam unit g dm^{-3} ? [Jisim atom relatif: H = 1, O = 16, S = 32]
What is the concentration of sulfuric acid, H_2SO_4 which has a molarity of 0.5 mol dm^{-3} in units of g dm^{-3} ? [Relative atomic mass: H = 1, O = 16, S = 32]
- | | |
|---------------------------------|----------------------------------|
| A 49 g dm^{-3} | B 65 g dm^{-3} |
| C 98 g dm^{-3} | D 147 g dm^{-3} |
8. Seorang murid hendak menyediakan larutan kalium klorida 0.5 mol dm^{-3} . Berapakah isi padu air suling yang diperlukan untuk melarutkan 5.96 g kalium klorida?
 [Jisim atom relatif: K = 39, Cl = 35.5]
A student wants to prepare a 0.5 mol dm^{-3} solution of potassium chloride. What is the volume of distilled water required to dissolve 5.96 g of potassium chloride?
 [Relative atomic mass: K = 39, Cl = 35.5]
- | | |
|------------------------------|-----------------------------|
| A 11.9 cm^3 | B 40 cm^3 |
| C 140 cm^3 | D 160 cm^3 |
9. Anas menjalankan ujian anion untuk mengesahkan kehadiran ion klorida dalam suatu larutan garam. Apakah reagen yang di perlukan untuk ujian itu?
Anas performs an anion test to confirm the presence of chloride ions in a salt solution. What reagents are needed for the test?
- | | |
|--|--------------------|
| I Asid nitrik
<i>nitric acid</i> | |
| II Asid hidroklorik
<i>Hydrochloric acid</i> | |
| III Larutan argentum nitrat
<i>Silver nitrate solution</i> | |
| IV Larutan barium klorida
<i>Barium chloride solution</i> | |
| A I dan III | B I dan IV |
| C II dan III | D II dan IV |


10. Satu akues ferum(II) sulfat ditambahkan dengan larutan ammonia dan larutan barium klorida secara berasingan. Antara yang berikut, manakah benar tentang pemerhatian bagi kedua-dua tindak balas?

An aqueous of iron (II) sulfate was added with ammonia solution and barium chloride solution separately. Which of the following is true about the observations for both reactions?

	Pemerhatian larutan ammonia Observation ammonia solution	Pemerhatian larutan barium klorida Observation barium chloride solution
A	Mendakan putih <i>White precipitate</i>	Mendakan kuning <i>Yellow precipitate</i>
B	Mendakan kuning <i>Yellow precipitate</i>	Mendakan putih <i>White precipitate</i>
C	Mendakan hijau <i>Green precipitate</i>	Mendakan putih <i>White precipitate</i>

SOALAN STRUKTUR

1. Seorang murid menggunakan hablur asid oksalik terhidrat, $(\text{COOH})_2 \cdot 2\text{H}_2\text{O}$ untuk menyediakan larutan piawai berasid seperti yang di tunjukkan dalam rajah 1.
A student uses hydrated oxalic acid crystals, $(\text{COOH})_2 \cdot 2\text{H}_2\text{O}$ to prepare 250 cm^3 of an acidic standard solution as shown in Diagram 1.



- (a) Apakah yang di maksudkan dengan larutan piawai?
What is meant by a standard solution?

Larutan piawai ialah larutan yang kepekatannya di ketahui dengan tepat.
A standard solution is a solution whose concentration is known precisely.

[1 markah / 1 mark]

- (b) Hitung jisim hablur asid oksalik terhidrat, $(\text{COOH})_2 \cdot 2\text{H}_2\text{O}$ yang perlu dilarutkan dengan 500 cm^3 air suling untuk menghasilkan larutan piawai berasid dengan kemolaran 1.5 mol dm^{-3} . [Jisim Atom Relatif: C= 12, H= 1, O=16]
Calculate the mass of hydrated oxalic acid, $(\text{COOH})_2 \cdot 2\text{H}_2\text{O}$ crystals that need to be dissolved in 500 cm^3 of distilled water to produce an acidic standard solution with a concentration of 1.5 mol dm^{-3} . [Relative Atomic Mass: C = 12, H = 1, O = 16]

$$\begin{aligned} \text{Bilangan mol } (\text{COOH})_2 \cdot 2\text{H}_2\text{O}, n &= \frac{MV}{1000} \\ \text{Number of moles} &= \frac{1.5 \times 500}{1000} \\ &= 0.75 \text{ mol} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Jisim } (\text{COOH})_2 \cdot 2\text{H}_2\text{O} &= \text{Bilangan mol} \times \text{Jisim molar} \\ \text{Mass } (\text{COOH})_2 \cdot 2\text{H}_2\text{O} &= \text{Number of moles} \times \text{molar mass} \\ &= 0.75 \text{ mol} \times 126 \text{ g mol}^{-1} \\ &= 94.5 \text{ g} \end{aligned}$$

[2 markah / 2 marks]

- (c) Murid tersebut ingin menyediakan 500 cm³ larutan piawai asid oksalik terhidrat, (COOH)₂.2H₂O 0.5 mol dm⁻³ daripada larutan stok asid oksalik terhidrat, (COOH)₂.2H₂O 1.5 mol dm⁻³.

The student wants to prepare 500 cm³ of a standard solution of hydrated oxalic acid, (COOH)₂.2H₂O 0.5 mol dm⁻³ from a stock solution of hydrated oxalic acid, (COOH)₂.2H₂O 1.5 mol dm⁻³.

- (i) Namakan kaedah untuk menyediakan larutan piawai tersebut.
Name the method to prepare the standard solution.

Kaedah pencairan
Dilution method

[1 markah / 1 mark]

- (ii) Hitung isi padu larutan stok yang di perlukan untuk menyediakan larutan piawai tersebut.

Calculate the volume of stock solution needed to prepare the standard solution.

$$M_1V_1 = M_2V_2$$

$$(1.5)(V_1) = 0.5 \times 500$$


$$V_1 = (0.5 \times 500) / 1.5$$

$$= 167 \text{ cm}^3$$

[2 markah / 2 marks]

2. Rajah 1 menunjukkan susunan radas eksperimen yang dijalankan di makmal bagi menentukan takat akhir tindak balas antara asid sulfurik, 0.5 mol dm⁻³ dengan 25 cm³ larutan natrium hidroksida.

Figure 1 shows the arrangement of the experimental apparatus carried out in the laboratory to determine the end point of the reaction between sulfuric acid, 0.5 mol dm⁻³ with 25 cm³ of sodium hydroxide solution.



Rajah 1 / Diagram 1

Keputusan eksperimen ditunjukkan dalam Jadual 1.

The experimental results are shown in Table 1.

Bilangan penitratan Number of titration	1	2	3
Bacaan akhir buret (cm ³) Burette end reading (cm ³)	25.00	26.50	37.50
Bacaan awal buret (cm ³) Initial burette reading (cm ³)	0.00	2.50	12.50
Isi padu asid sulfurik yang digunakan (cm ³) Volume of sulfuric acid used (cm ³)	25.00	24.00	25.00

Jadual 1 / Table 1

(a) Asid sulfurik ialah asid diprotik. Apakah yang dimaksudkan dengan asid diprotik?
Sulfuric acid is a diprotic acid. What is meant by diprotic acid?
 1 molekul asid yang mengion dalam air untuk menghasilkan dua ion hidrogen, H^+
1 molecule of acid that ionizes in water to produce two hydrogen ions, H^+
 [1 markah / 1 mark]

(b) Namakan tindak balas yang berlaku dalam eksperimen ini.
Name the reaction that took place in this experiment.
 Tindak balas peneutralan
Neutralization reaction.
 [1 markah / 1 mark]


(c) Tulis persamaan kimia yang seimbang untuk tindak balas antara asid sulfurik dengan larutan natrium hidroksida.
Write a balanced chemical equation for the reaction between sulfuric acid and sodium hydroxide solution.
 $2 NaOH(ak) + H_2SO_4(ak) \rightarrow Na_2SO_4(ak) + 2H_2O(ce)$
 $2 NaOH(aq) + H_2SO_4(aq) \rightarrow Na_2SO_4(aq) + 2H_2O(l)$
 [1 markah / 1 mark]

(d) Nyatakan bagaimana anda dapat mengesahkan takat akhir proses tersebut telah tercapai?
State how you can confirm the end point of the process has been reached?
 Warna kuning penunjuk metil jingga dalam larutan natrium hidroksida berubah menjadi warna jingga.
The yellow color of the methyl orange indicator in sodium hydroxide solution changes to orange
 [1 markah / 1 mark]

(e) (i) Lengkapkan Jadual 1.
Complete Table 1.
 [1 markah / 1 mark]

(ii) Hitungkan purata isi padu asid sulfurik yang digunakan.
Calculate the average volume of sulfuric acid used.
 Purata isi padu asid sulfurik = $\frac{25.00 + 24.00 + 25.00}{3}$
 Average volume of sulfuric acid = 24.67 cm^3
 [1 markah / 1 mark]

(iii) Hitung kepekatan larutan natrium hidroksida.
Calculate the concentration of sodium hydroxide solution.
 Bilangan mol H_2SO_4 = $\frac{MV}{1000} = 0.5 \text{ mol dm}^{-3} \times \frac{24.67}{1000} = 0.012 \text{ mol}$
 Number of moles, H_2SO_4



Daripada persamaan 1 mol H_2SO_4 bertindak balas dengan 2 mol NaOH
 Maka, 0.012 mol H_2SO_4 bertindak balas dengan 0.024 mol NaOH.
From the equation 1 mole of H_2SO_4 reacts with 2 moles of NaOH
Thus, 0.049 mol of H_2SO_4 reacted with 0.098 mol of NaOH

$$\frac{M_a V_a}{M_b V_b} = \frac{a}{b}$$

$$\frac{M_a \times 25.0}{0.5 \times 24.67} = \frac{0.024}{0.012}$$
$$M_a = 0.987 \text{ mol dm}^{-3}$$

[2 markah / 2 marks]

- (f) Hitung nilai pH bagi larutan natrium hidroksida yang digunakan dalam eksperimen ini.
Calculate the pH value of the sodium hydroxide solution used in this experiment.

$$\begin{aligned} \text{pOH} &= -\log [\text{OH}] = -\log [0.987] = 0.005 \\ \text{pH larutan NaOH} &= 14.0 - \text{pOH} \\ \text{pH of NaOH solution} &= 14.0 - 0.005 \\ &= 13.99 \end{aligned}$$


[2 markah / 2 marks]

SOALAN ESEI

Klon SPM 2015

1. (a) Persamaan menunjukkan tindak balas antara magnesium dan asid X. Asid X adalah asid diprotik.

The equation shows the reaction between magnesium and acid X. Acid X is a diprotic acid.



Berdasarkan persamaan itu:

Based on that equation:

Cadangkan asid X dan kenal pasti garam Y dan tuliskan persamaan kimia bagi tindak balas itu.

Suggest acid X and identify salt Y and write the chemical equation for the reaction.

[4 markah / 4 marks]


Asid X ialah Asid sulfurik, H_2SO_4 dan garam Y adalah Magnesium sulfat, MgSO_4 .

Acid X is Sulfuric Acid, H_2SO_4 and Y salt is Magnesium sulfate, MgSO_4 .



- (b) Rajah 2 menunjukkan carta alir bagi garam magnesium.

Diagram 2 shows the flow chart for magnesium salts.



Rajah 2 / Diagram 2

Kedua – dua garam MgSO_4 dan MgCl_2 dalam Rajah 2 boleh ditukarkan kepada MgCO_3 melalui tindak balas I, kemudian MgCO_3 bertindak balas dengan asid W untuk membentuk satu garam magnesium melalui tindak balas III.

Both the salts of MgSO_4 and MgCl_2 in Diagram 2 can be converted to MgCO_3 through reaction I, then MgCO_3 reacts with acid W to form a magnesium salts through reaction III.

- (i) Cadangkan asid W untuk menyediakan salah satu daripada dua garam magnesium dalam rajah 2. Tulis persamaan kimia yang terlibat.
Suggest acid W to prepare one of the magnesium salts in figure 2. Write the chemical equation involved.

[3 markah / 3 marks]

Asid sulfurik digunakan untuk menyediakan $MgSO_4$

Persamaan kimia: $MgCO_3 + H_2SO_4 \rightarrow MgSO_4 + CO_2 + H_2O$

Sulfuric acid is used to prepare $MgSO_4$

Chemical equations: $MgCO_3 + H_2SO_4 \rightarrow MgSO_4 + CO_2 + H_2O$

- (ii) Kenal pasti pepejal R dalam tindak balas II. Huraikan ujian kimia untuk mengenal pasti gas P.

Identify the solid R in reaction II. Describe a chemical test to identify the gas P.

[5 markah / 5 marks]

- Pepejal R adalah Magnesium Oksida, MgO .
 - Masukkan satu spatula $MgCO_3$ ke dalam tabung uji
 - Alirkan gas P ke dalam tabung uji yang berisi air kapur
 - Pemerhatian: Air kapur menjadi keruh
 - Gas P ialah karbon dioksida
-
- *Solid R is Magnesium Oxide.*
 - *Insert a spatula of $MgCO_3$ into the test tub*
 - *Pour gas P into a test tube containing lime water*
 - *Observation: Lime water becomes cloudy*
 - *Gas P is carbon dioxide*

Dengan memilih salah satu garam dalam Rajah 2, cadangkan satu larutan Q untuk menyediakan magnesium karbonat, $MgCO_3$.

Tulis persamaan kimia yang terlibat dan huraikan eksperimen makmal untuk menyediakan magnesium karbonat, $MgCO_3$.

By selecting one of the salts in Diagram 2, suggest a solution of Q to prepare magnesium carbonate, $MgCO_3$.

Write the chemical equations involved and describe laboratory experiments to prepare magnesium carbonate, $MgCO_3$.

[8 markah / 8 marks]

Garam yang di pilih $MgCl_2$

$MgCl_2 + Na_2CO_3 \rightarrow MgCO_3 + 2NaCl$

Prosedur eksperimen:

1. 20 cm^3 1.0 mol dm^{-3} magnesium klorida disukat dan dituang ke dalam sebuah bikar.
2. 20 cm^3 1.0 mol dm^{-3} natrium karbonat disukat dan dicampurkan dengan larutan magnesium klorida.
3. Campuran dikacau dengan rod kaca.
4. Campuran dituras untuk mendapatkan mendakan.
5. Basuh mendakan dengan air suling dan keringkan di antara dua keeping kertas turas.

The selected salt is $MgCl_2$

$MgCl_2 + Na_2CO_3 \rightarrow MgCO_3 + 2 NaCl$

Experimental procedure:

1. 20 cm^3 of 1.0 mol dm^{-3} magnesium chloride is measured and poured into a beaker.
2. 20 cm^3 of 1.0 mol dm^{-3} sodium carbonate is measured and mixed with a solution of magnesium chloride.
3. The mixture is stirred with a glass rod.
4. The mixture is filtered to obtain a precipitate.
5. Wash the precipitate with distilled water and dry between two keeping filter paper.

BAB 7: KADAR TINDAK BALAS

SOALAN OBJEKTIF

MRSM 2018, Q3

1. Antara yang berikut, yang manakah mempunyai kadar tindak balas yang paling tinggi?
Which of the following has the higher rate of reaction?
- | | |
|---|--|
| A Pengaratan besi
<i>Rusting of iron</i> | B Penapaian glukosa
<i>Glucose fermentation</i> |
| C Penguraian makanan
<i>Decomposition of food</i> | D <i>Pembakaran alcohol</i>
<i>Combustion of alcohol</i> |

Johor 2018, Q10

2. Manakah antara unit berikut adalah tidak benar untuk mengukur kadar tindak balas?
Which of the following unit is incorrect to measure the rate of reaction?
- | | |
|--------------------------------------|-------------------------------|
| A $\text{cm}^3 \text{s}^{-1}$ | B g s^{-1} |
| C mol min^{-1} | D mol dm^{-3} |

Pahang 2018, Q17

3. Bagaimanakah mungkin meningkatkan kadar tindak balas?
How does a catalyst increase the rate of reaction?
- A** Meningkatkan bilangan perlanggaran berkesan
Increase the number of effective collisions
 - B** Meningkatkan tenaga pengaktifan tindak balas
Increase the activation energy of the reaction
 - C** Meningkatkan jumlah bilangan zarah-zarah dalam tindak balas
Increase the total number of reactant particles
 - D** Meningkatkan tenaga kinetik zarah-zarah bahan tindak balas
Increase the kinetic energy of reactant particles

Perlis 2019, Q5

4. Persamaan berikut mewakili tindak balas antara kalsium karbonat dan asid hidroklorik.
The following equation represents the reaction between calcium carbonate and hydrochloric acid.



Kaedah manakah yang paling sesuai untuk meningkatkan kadar tindak balas

Which method is the most suitable to increase the rate of reaction?


- A** Mengecilkan saiz kalsium karbonat
Decrease the size of calcium carbonate
- B** Mengurangkan isipadu asid hidroklorik
Decrease the volume of hydrochloric acid
- C** Mengurangkan suhu asid hidroklorik
Decrease the temperature of hydrochloric acid
- D** Mengurangkan kepekatan asid hidroklorik
Decrease the concentration of hydrochloric acid

Ilmu bakti praktis topikal SPM, Pg59, Q11

5. Antara yang berikut, yang manakah berlaku apabila suhu tindak balas meningkat?
Which if the following occur when the temperature of a reaction increases?
- I Kadar tindak balas meningkat
The rate of reaction increases
 - II Tenaga pengaktifan berkurang
The activation energy is lowered
 - III Frekuensi perlanggaran meningkat
The frequency of collisions increases
 - IV Tenaga kinetik zarah bahan tindak balas kekal sama
The kinetic energy of the reactant particles remains the same
- A I dan II B I dan III
I and II I and III
- C II dan IV D III dan IV
II and IV III and IV

SBP 2020, Q27

6. Persamaan berikut mewakili satu tindak balas.
The following equation represents a reaction.



Antara berikut, kaedah manakah yang paling sesuai untuk meningkatkan kadar tindak balas?

Which of the following methods is the most suitable to increase the rate of reaction?

- A Menggunakan saiz kalsium karbonat yang lebih kecil.
Use smaller size of calcium carbonate.
- B Mengurangkan isipadu asid sulfurik
Decrease the volume of sulphuric acid
- C Menukarkan asid sulfurik kepada asid hidroklorik.
Replace sulphuric acid with hydrochloric acid
- D Mengurangkan kepekatan asid hidroklorik
Decrease the concentration of hydrochloric acid

Terengganu 2020, Q8

7. $\text{CaCO}_3 (\text{p}) + 2\text{HCl} (\text{ak}) \rightarrow \text{CaCl}_2 (\text{ak}) + \text{CO}_2 (\text{g}) + \text{H}_2\text{O} (\text{ce})$
 $\text{CaCO}_3 (\text{s}) + 2\text{HCl} (\text{aq}) \rightarrow \text{CaCl}_2 (\text{aq}) + \text{CO}_2 (\text{g}) + \text{H}_2\text{O} (\text{l})$

Berdasarkan persamaan kimia di atas, apakah perubahan yang dapat diperhatikan untuk menentukan kadar tindak balas?

Based on the chemical equation, what is the change can be observed to determine the rate of reaction?

- A Pertambahan isipadu gas yang terbebas
Volume of gas liberated increased
- B Pertambahan jisim bahan tindak balas
Mass of reactant increased
- C Pengurangan isi padu larutan bahan tindak balas
The volume of reactants solution is decreased
- D Mendakan yang terbentuk berkurang
Precipitation produce is reduced

Perlis 2020, Q19

8. Rajah 1 menunjukkan ubi keledek yang dipotong kecil untuk dimasak.
Diagram 1 shows sweet potatoes which is sliced into small size for cooking.



Rajah 1 / Diagram 1

Mengapakah ubi keledek yang bersaiz lebih kecil lebih cepat masak berbanding saiz besar?



Why does small size of sweet potatoes cook faster than large size?

